

MAHATHIR-ASEAN
(1)

1980

KUALA LUMPUR, 1 NOV. (BERNAMA) — DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENSIFATKAN ASEAN SEBAGAI PERTUBUHAN 'SERANTAU YANG PALING AKTIF DAN JAYA DALAM DUNIA DI SAMPING PERSATUAN EKONOMI EROPAH (EEC).

TIMBALAN PERDANA MENTERI MEMBERITAHU SATU MESYUARAT PERSATUAN EKONOMI DI SINGAPURA MALAM TADI BAHAWA REALITI ASEAN DALAM KERJASAMA POLITIK DAN EKONOMI TELAH PUN DIPERAKUI OLEH SEMUA PIHAK SEKARANG.

BERCAKAP TENTANG KERJASAMA ASEAN, PENGAJARAN-PENGAJARAN BAGI DEKAD LAPAN PULUHAN, BELIAU BERKATA RAKYAT DAN NEGARA LEBIH MUNGKIN BEKERJASAMA JIKA MEMAHAMI ANTARA SATU SAMA LAIN DAN SEKIRANYA NILAI-NILAI DAN KEPERCAYAAN BERSAMA TIDAK DAPAT DIWUJUDKAN SEKURANG-KURANGNYA MEREKA MEMAHAMI NILAI-NILAI DAN ADAT RESAM MASING-MASING.

DATUK SERI DR. MAHATHIR, YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN, MENYATAKAN BAHAWA PADA SATU MASA NANTI SEBUAH PASARAN BERSAMA ASEAN AKAN WUJUD, MESKIPUN BELIAU BERPENDAPAT IA TIDAK AKAN SEBEBAS SEPERTI YANG DIKEHENDAKI OLEH ORANG-ORANG TERTENTU.

KATANYA LANGKAH PERTAMA MEWUJUDKAN PASARAN BERSAMA ITU TELAH DIAMBIL MENERUSI POTONGAN SEBANYAK 10 PERATUS KE ATAS TARIF MENGENAI PERDAGANGAN SESAMA ASEAN SENDIRI. — BERSAMBUNG 2015/1B

MAHATHIR-ASEAN 2 KUALA LUMPUR

DALAM UCAPANNYA YANG DIKELUARKAN DI SINI, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERPENDAPAT LEBIH MASA DAN MUHIBBAH DIPERLUKAN SEBELUM KERJASAMA EKONOMI YANG ERAT DAPAT DICAPAI.

+BAGAIMANAPUN, KEMAJUAN TELAH DITEMPUHI. KINI, BERIBU-RIBU BARANG-BARANG ASEAN MENERIMA LAYANAN ISTIMEWA KETIKA MEMASUKI NEGARA-NEGARA ASEAN. WALAUPUN POTONGAN TARIF MASIH KECIL TETAPI LANGKAH PERTAMA TELAH DIAMBIL.+

BELIAU MENERANGKAN ASEAN BUKAN KUMPULAN TENTERA SEPERTI PERTUBUHAN PERJANJIAN ATLANTIK UTARA (NATO) ATAU PUN PERTUBUHAN PERJANJIAN ASIA TENGGARA YANG DULU (SEATO).

BAGAIMANAPUN TERDAPAT KESAN-KESAN JELAS PERATURAN PERTAHANAN DUA HALA MEMPENGARUHI KESELAMATAN ASEAN SEBAGAI SEBUAH KUMPULAN, KATANYA.

WALAUPUN SESEBUAH NEGARA TIDAK SEMESTINYA BERSAMA-SAMA PERANG SEKIRANYA NEGARA LAIN MEMBUAT ANCAMAN PERSEFAHAMAN ANTARA KERAJAAN-KERAJAAN DAN ANGKATAN TENTERA DAN KEBOLEHAN BERGERAK BERSAMA BERMAKNA PERTAHANAN BERSAMA DAPAT DITEGAKKAN DENGAN MUDA LAGI CEPAT, TEGASNYA. — BERSAMBUNG 2020/1B

MAHATHIR-ASEAN 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENYENTUH TENTANG PENTINGNYA NEGARA-NEGARA ANGGOTA ASEAN MEMPERKENALKAN KEBUDAYAAN MASING-MASING AGAR SYAK WASANGKA DAN PERMUSUHAN DIKURANGKAN.

BELIAU BERPENDAPAT PERHATIAN YANG CUKUP MASIH BELUM DIBERIKAN KEPADA KEBUDAYAAN-KEBUDAYAAN ASEAN.

+MAKA DI PERHIMPUNAN-PERHIMPUNAN ASEAN, PERTUNJUKAN KEBUDAYAAN NEGARA TUANRUMAH TIDAK DILUPAKAN, DAN ACARA YANG MENARIK SEKALI IALAH SEBUAH LAGU DARI TIAP-TIAP NEGARA ASEAN DINYANYIKAN.

+INI MUNGKIN DIANGGAP TIDAK PENTING TETAPI IA TELAH BANYAK MENDORONG PERPADUAN ASEAN LEBIH DARI KEGIATAN-KEGIATAN YANG LAIN,+
— BERNAMA 2025/1B